

**Buku Istana Negara Ungkap Sejarah Pembinaan Istana Negara
Bernama
6 Februari, 2013**

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Masyarakat yang ingin mendalami pengetahuan mengenai kompleks Istana Negara yang baharu di Jalan Duta berpeluang mendapatkannya melalui buku 'Istana Negara - Lambang Kedaulatan dan Keagongan Raja Melayu' yang berada di pasaran sejak 9 Jan lalu.

Pengarah Penerbitan buku itu Datuk Md. Nizam Md. Sherif berkata masyarakat akan dapat mengetahui fungsi tempat istiadat utama dan persemayaman Yang di-Pertuan Agong, rupa bentuk, ruang rasmi diraja serta singgahsana yang tersergam indah melalui naskah khas itu.

"Buku Istana Negara merupakan buku yang mencatatkan sejarah di mana ia menjadi satu bahan sejarah yang tidak ternilai harganya.

"Kompleks Istana Negara yang menjadi mercu tanda dan simbol kebanggaan Sistem Pemerintahan Raja Berperlembagaan di Malaysia turut memaparkan ciri-ciri estetika khusus dan hiasan dalaman yang menjadi khazanah negara," katanya dalam kenyataan Rabu.

Md. Nizam berkata idea buku itu diilhamkan Yang di-Pertuan Agong Malaysia ke-12 Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail yang mengharapkan sejarah pembinaan serta kaedah yang diguna pakai untuk menyiapkan Istana Negara itu dapat dijadikan rujukan generasi akan datang.

Tuanku Syed Sirajuddin, yang juga Raja Perlis berkenan melancarkan buku itu pada 9 Jan lepas.

Md. Nizam berkata buku setebal 287 muka surat itu dijual pada harga RM350 senaskah di Semenanjung manakala Sabah dan Sarawak RM380.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=926619>